



SIARAN AKHBAR

PERBINCANGAN DUA HALA DI ANTARA KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN, BRUNEI DARUSSALAM DENGAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KOPERASI, THAILAND BAGI KERJASAMA DALAM BIDANG PERTANIAN

*Hari Rabu, 11 Rabiulakhir 1440H Bersamaan 19 Disember 2018
Daerah Brunei-Muara*

Satu perbincangan dua hala di antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam dengan Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand telahpun diadakan di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Pihak Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sementara itu, pihak Kerajaan Thailand telah diketuai oleh Tuan Yang Terutama Dr. Wiwat Salyakamthorn, Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand. Turut hadir dalam perbincangan itu ialah Yang Mulia Tuan Rooge Thammongkol, Kuasa Usaha Sementara, Kedutaan Kerajaan Thailand di Brunei Darussalam, Yang Mulia Pengiran Haji Kamalrudzaman bin Pengiran Haji Mohd Ishak, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Mulia Awang Abdul Halidi bin Mohd Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, delegasi-delegasi dari Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.



Perbincangan dua hala ini adalah bertujuan untuk membincangkan projek-projek kerjasama yang akan dilaksanakan di bawah Memorandum Persefahaman di antara Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand yang telahpun ditandatangani pada 25hb. Mac 2015. Di samping itu, perbincangan dua hala tersebut juga adalah untuk berkongsi maklumat dan buah fikiran khususnya terhadap hasil-hasil daripada lawatan kerja Tuan Yang Terutama Dr. Wiwat Salyakamthorn berserta delegasi-delegasi dari Kementerian Pertanian dan Koperasi, Kerajaan Thailand ke ladang-ladang pertanian di negara ini terutama dalam usaha untuk merawat tanah pertanian yang mempunyai kandungan asid yang tinggi, dan masalah berkenaan sumber air tidak mencukupi. Dalam kesempatan tersebut, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga telah mengongsikan rancangan pengeluaran beras seluas 500 hektar di Kandol, Daerah Belait serta mempelawa pihak swasta yang berpengalaman dalam penanaman padi daripada Kerajaan Thailand yang berminat untuk ikut serta dalam projek tersebut.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh: 19 Disember 2018